

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

HKN 404 Seminar Di Dalam Kesusasteraan Nusantara II:
Aspek-Aspek Pensejarahan

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNG LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja, sekurang-kurangnya SATU [1] soalan daripada tiap-tiap Bahagian A, B dan C.

Bahagian A:

1. Apakah ciri-ciri yang sepatutnya terpancar di dalam tulisan-tulisan tentang sejarah kesusasteraan. Berdasarkan buku-buku yang anda tahu, bahaskan apakah ciri-ciri ini telah terpancar dari hasil-hasil tersebut.
2. Apakah yang anda fahamkan dengan filologi? Huraikan tentang hakikat bahawa kelambatan kerja-kerja filologi merupakan salah satu daripada sebab-sebab utama yang menjadikan ketiadaan sebuah sejarah kesusasteraan Melayu yang sempurna. Apakah alternatif yang anda fikirkan untuk menyelesaikan masalah ini?

Bahagian B:

3. Bandingkan karya R.O. Winstedt, **A History of Classical Malay Literature** dengan buku suntingan Zalila Sharif dan Jamilah Haji Ahmad, **Sejarah Kesusasteraan Melayu Tradisional** dari sudut kekuatan dan kelemahan sebagai buku sejarah kesusasteraan Melayu.
4. Di dalam perbicaraan mengenai kesusasteraan Melayu tradisional, penjudulan ‘hikayat’ mengutarakan beberapa masalah. Berdasarkan contoh-contoh yang jelas bincangkan pernyataan di atas.

..../2

5. Dalam suasana penglahiran karya-karya oleh pengarang tanpa nama, kemunculan tokoh-tokoh penulis di zaman tradisional adalah merupakan satu pemecahan konvensi yang unik. Bincangkan pernyataan di atas.

Bahagian C:

6. Hamzah Fansuri atau Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi sebagai batu tanda perbatasan zaman tradisional dan zaman baru masing-masing mempunyai hujahan-hujahan yang tersendiri. Dengan hujahan yang jelas bincangkan pendirian anda terhadap isu perbatasan ini.
7. Bincangkan perbezaan di antara konsep angkatan penulis dengan golongan penulis. Perjelaskan konsep ini dalam hubungannya dengan pensejarahan kesusasteraan.
8. Kedua-dua Sasterawan Negara Keris Mas dan Abdullah Hussain merupakan tokoh dalam bidang prosa. Bandingkan kekuatan mereka dalam sumbangan mereka terhadap perkembangan kesusasteraan Melayu moden.

--oo000oo--